

16 NOV 1999

Shahidan-Maruah

SHAHIDAN AKAN USAHA TEBUS MARUAH BN NEGERI

KANGAR, 16 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berazam untuk menebus maruah Barisan Nasional (BN) negeri yang tercalar akibat kekalahan kepada PAS pada pilihan raya kecil Arau Julai tahun lalu.

Beliau berkata, tumpuannya pada masa ini ialah memastikan kemenangan BN dan bukan melayani pelbagai khabar angin mengenai kedudukannya sama ada dicalonkan semula atau digugurkan.

Shahidan yang juga Pengerusi BN negeri berkata, pilihan raya umum ini adalah peluang terbaik baginya untuk menebus maruah BN dan peribadinya akibat kekalahan itu.

Pilihan raya kecil Parlimen Arau Julai tahun lalu menyaksikan pesuruhjaya PAS Hashim Jasin melakukan kejutan menewaskan calon BN, Ismail Kassim yang sekali gus mencatat sejarah memalukan bagi BN negeri ini.

"Saya tidak kisah sama ada dicalonkan semula bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen atau digugurkan," katanya di sini, hari ini.

Khabar angin bertiup kencang di sini bahawa Shahidan yang juga pengarah operasi pilihan raya negeri akan dicalonkan bertanding bagi kerusi Parlimen.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir masih belum membuat keputusan mengenai kedudukannya.

Shahidan berkata, beliau akan memberi sokongan kepada setiap calon yang diputuskan oleh Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN.

Menurut Shahidan, beliau juga telah mengadakan perjumpaan dengan semua penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di negeri ini dan mereka memberi jaminan untuk berkerja keras sama ada dicalonkan semula atau sebaliknya.

-- BERNAMA

AD PR